



(Gambar atas) KELIHATAN mahasiswa UMS sahur bersama-sama.

(Gambar kiri) SESI Iftar Mega yang berlangsung pada program Fajar Sejuta Pemuda.

Belia mengimarahkan masjid

UB 20.6.2017 B4

Oleh SADDAM EDRIIS


► YDKMM dan UMS anjur Fajar Sejuta Pemuda

BAGI mengimarahkan lagi bulan mulia ini, Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) menganjurkan projek Fajar Sejuta Pemuda (FSP) dalam usaha membangunkan semangat anak muda untuk menunaikan solat subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid terpilih di seluruh Malaysia.

Projek yang dilaksanakan bermula 1 Sya'aban 1438H (28 April) hingga kemuncak perasmian pada 17 Ramadan 1438 H (12 Jun) itu memiliki keunikan tersendiri dengan mempraktikkan aplikasi telefon pintar bagi mengurus data kehadiran dan mengemaskini program berkenaan.

Visi program adalah untuk mengumpulkan belia yang berusia lingkungan 35 tahun ke bawah secara kolektif sehingga mencapai jumlah 1,000,000 orang.

Pelancaran program dihadiri lebih 400 pelajar UMS dan dirasmikan oleh Pengarah Jakim Sabah Mat Radzi Mat Ali



MAHASISWA UMS sedang menunggu waktu berbuka.

bertempat di Masjid UMS dengan kerjasama Pusat Islam serta kolaborasi beberapa kelab di UMS dan pihak tertentu yang berlangsung dengan jayanya pada jam 5 petang.

Turut hadir Pengarah Pusat Islam UMS Profesor Madya Dr Muhamad Suhaimi Taat, Pengerusi YDKMM Cawangan Sabah Sittilin Salleh, Naib

“Visi program adalah untuk mengumpulkan belia yang berusia lingkungan 35 tahun ke bawah secara kolektif sehingga mencapai jumlah 1,000,000 orang.”

Pengerusi Bahagian Pembangunan Belia YDKMM Ghafur Rahim Mustaqim serta Ketua Program Special Iftar For Asnaf dan Fajar Sejuta Pemuda Peringkat Kebangsaan merangkap Ketua Unit Sukarelawan YDKMM Cawangan Sabah Noorsyafira Mohamad Helmi.

Pelancaran projek turut berjalan serentak di beberapa lokasi seluruh negeri iaitu di Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya, Masjid Negeri Perak, Masjid Universiti Putra Malaysia, Masjid Universiti

Kebangsaan Malaysia, Masjid Al-Falah USJ, Masjid Meru Ipoh dan Masjid Muhammadiyah Kota Bharu Kelantan.

Antara aktiviti lain yang diadakan adalah tazkirah yang disampaikan oleh Pengarah Jakim One Day One Juzuk (ODOJ), Qiamulail Mega, Motivasi Ramadan yang disampaikan oleh Ghafur Rahim kepada semua pelajar Asasi Sains UMS, Bersahur bersama-sama, Tazkirah Subuh serta aktiviti Quran Hour.

Majlis juga diserikan dengan hidangan jamuan berbuka puasa bersama-sama pelajar UMS dan



TETAMU kehormat yang hadir merakam gambar kenangan pada program Fajar Sejuta Pemuda.

turut mengedar 400 pack Rice Omellete Chicken Chop beserta air coklat oleh sukarelawan YOSH kepada pelajar Asnaf UMS.

Selain itu, YDKMM turut mengadakan Majlis Special Iftar For Asnaf (SI4A) di Restoran Asian & Western cawangan Sabah di Kingfisher Likas yang dimiliki oleh alumni UMS Mohd Hanif Nasiruddin.

Tujuan utama penganjuran SI4A bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang dermawan berkongsi nikmat rezeki bersama golongan yang memerlukan.

Pihak YDKMM mengharapkan program seperti ini terutamanya program Fajar Sejuta


Pemuda dapat membantu terutamanya dalam kalangan mengimarahkan lagi masjid para belia khususnya.



SESI penyediaan makanan Iftar Mega.



MAHASISWI UMS pada program berkenaan.



SOLAT subuh secara berjemaah.